BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 04/06/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Jumaat, 28 April 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mac 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta berterusan

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Mac, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.1%. Pada akhir bulan Mac, pinjaman sistem perbankan terkumpul naik pada kadar tahunan 8.4%, didorong oleh kenaikan dalam pinjaman sektor isi rumah pada kadar tahunan 14.5%. Pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan juga terus mengembang pada kadar tahunan 2.7%.

Sistem perbankan kekal teguh dengan tahap permodalan yang tinggi dan pinjaman tidak berbayar (NPL) yang bertambah baik. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan bertambah baik kepada 4.5%, manakala nisbah modal wajaran risiko (RWCR) merosot sedikit kepada 13.1% kerana agihan keuntungan.

Pada 26 April, Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas untuk menyelaraskan keadaan monetari kepada persekitaran makroekonomi semasa.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 04/06/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Jumaat, 28 April 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN MAC 2006

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta berterusan

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Mac, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.1%. Pada akhir bulan Mac, pinjaman sistem perbankan terkumpul naik pada kadar tahunan 8.4%, didorong oleh kenaikan dalam pinjaman sektor isi rumah pada kadar tahunan 14.5%. Pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan juga terus mengembang pada kadar tahunan 2.7%.

Dana yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Mac. Sebanyak RM1.8 bilion dana diperoleh melalui pasaran PDS terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan lain dan pembinaan. Sejumlah besar daripada dana yang diperoleh digunakan untuk membiayai aktiviti baru. Sementara itu, sebanyak RM259 juta diperoleh melalui pasaran ekuiti daripada lima tawaran awam awal (IPO) pada bulan itu.

Pada tempoh 1 Mac - 26 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.23% - 3.25%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatif stabil. Susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 26 April, purata wajaran harian bagi kadar

antara bank semalaman adalah lebih tinggi pada 3.47% pada 27 April. Pada 15 April, kadar pinjaman dan kadar deposit juga lebih tinggi. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan meningkat kepada 6.47%. Sementara itu, kadar disebut purata bagi deposit tetap (FD) bank perdagangan bagi tempoh matang 1 hingga 9 bulan, juga meningkat sedikit kepada antara 3.03% dan 3.16%.

Pada tempoh 1 Mac – 27 April, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, mencerminkan prestasi akaun semasa dan aliran masuk modal yang kukuh. Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang utama lain dan serantau adalah bercampur-campur.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, meningkat kepada 4.8% pada bulan Mac. Faktor utama bagi kenaikan itu ialah peningkatan sebanyak 18% dalam kos pengangkutan, ekoran semakan menaik terhadap harga runcit bahan api pada 28 Februari 2006. Manakala itu, pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar menjadi sederhana kepada 11% pada bulan Februari.

M3 atau wang secara luas, mengembang pada kadar tahunan 6.2% pada bulan Mac, sementara M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, mengembang pada kadar tahunan 5.7%.

Sistem perbankan kekal teguh dengan paras permodalan yang tinggi dan pinjaman tidak berbayar (NPL) yang bertambah baik. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan, bertambah baik kepada 4.5%, manakala nisbah modal wajaran risiko (RWCR) merosot sedikit kepada 13.1% kerana agihan keuntungan.

Kadar faedah terselaras susulan kenaikan OPR

Pada tempoh 1 Mac - 26 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.23% - 3.25%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatif stabil. Berikutan kenaikan OPR kepada 3.5% pada 26 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman adalah lebih tinggi pada 3.47% pada 27 April.

Pada 15 April, kadar pinjaman dan kadar deposit juga lebih tinggi. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan meningkat kepada 6.47% (akhir Februari: 6.34%). Kadar disebut purata bagi deposit tetap (FD) bank perdagangan bagi tempoh matang 1 hingga 9 bulan juga meningkat sedikit kepada antara 3.03% dan 3.16%, manakala kadar bagi tempoh matang 12 bulan kekal tidak berubah.



Kadar antara bank semalaman purata kekal stabil berbanding dengan OPR



Kadar antara bank secara am stabil



BNM menyerap mudah tunai lebihan daripada sistem perbankan



BLR purata bank perdagangan naik pada bulan Mac dan kekal tidak berubah pada awal bulan April



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan – deposit rendah sedikit pada bulan Mac memandangkan pertumbuhan deposit mengatasi pertumbuhan pinjaman

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 06	3.02	3.04	3.07	3.11	3.70
Mac 06	3.03	3.06	3.11	3.16	3.70
15 Apr 06	3.03	3.06	3.11	3.16	3.70

Kadar FD bank perdagangan naik pada bulan Mac dan kekal stabil pada awal bulan April

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD benar 3 bulan kekal negatif pada bulan Mac

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Mac – 27 April 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, mencerminkan prestasi akaun semasa dan aliran masuk modal yang kukuh. Namun, berbanding dengan mata wang utama lain, prestasi ringgit bercampur-campur. Ringgit telah dipengaruhi oleh perkembangan mata wang negara-negara G3. Dolar AS menjadi lemah kerana jangkaan pasaran yang kitaran kenaikan kadar faedah AS hampir berakhir. Yen Jepun menyusut nilai ekoran langkah Bank of Japan mengekalkan kadar faedah hampir pada kadar sifar. Euro pula menjadi kukuh dalam jangkaan bahawa kadar faedah tanda aras akan naik lagi. Ringgit juga mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan negara serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (1.9%) dan peso Filipina (2.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura, won Korea, baht Thai dan rupiah Indonesia dalam julat 0.1% - 2.5%.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 05	Feb. 06	Mac. 06	27 Apr. 2006	Akhir Dis. 05 - 27 Apr. 2006	Akhir Feb. - 27 Apr. 2006
Dolar AS	3.7800	3.7135	3.6860	3.6320	4.1	2.2
Euro	4.4867	4.4055	4.4829	4.5229	-0.8	-2.6
Paun sterling	6.5226	6.4643	6.4337	6.4844	0.6	-0.3
100 yen Jepun	3.2229	3.1907	3.1397	3.1650	1.8	0.8
Dolar Singapura	2.2714	2.2857	2.2778	2.2890	-0.8	-0.1
100 baht Thai	9.2049	9.4407	9.4914	9.6570	-4.7	-2.2
100 peso Filipina	7.1254	7.1793	7.2077	7.0096	1.7	2.4
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0402	0.0407	0.0413	-6.9	-2.5
100 won Korea	0.3739	0.3827	0.3781	0.3840	-2.6	-0.3
Renminbi China	0.4686	0.4619	0.4599	0.4532	3.4	1.9

Kenaikan dalam inflasi didorong oleh faktor penawaran

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.8% pada bulan Mac (Februari: 3.2%). Faktor utama bagi kenaikan itu ialah peningkatan sebanyak 18% dalam kos pengangkutan (8% pada bulan Februari), ekoran semakan menaik terhadap harga runcit bahan api pada 28 Februari 2006. Kenaikan itu juga sebahagiannya disebabkan wajaran yang lebih tinggi bagi kategori pengangkutan dalam kumpulan IHP yang disemak (tempoh rujukan asas IHP yang telah disemak oleh Jabatan Perangkaan, berkuat kuasa pada bulan Januari 2006. Sila rujuk rencana di bawah untuk keterangan lanjut). Sementara itu, IHP bagi kategori pakaian dan kasut, dan komunikasi terus merosot.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi meningkat kepada 4.8% pada bulan Mac

Kenaikan harga pengeluar sederhana pada bulan Februari

Kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 11% pada bulan Februari (Januari: 13.7%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan lebih perlahan dalam kategori berkaitan komoditi, yang sebahagian besarnya berikutan kenaikan harga minyak mentah yang lebih perlahan. Tanpa mengambil kira kategori berkaitan komoditi, IHPR juga mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, iaitu 0.1% (Januari: 1%) terutamanya disebabkan oleh kejatuhan harga makanan dan binatang hidup.



Kenaikan IHPR adalah sederhana pada bulan Februari

Semakan dan Penukaran Tahun Asas bagi Indeks Harga Pengguna (Tahun Asas 2005 = 100)

Indeks Harga Pengguna (IHP) semakan mula dikuatkuasakan pada bulan Januari 2006, sejajar dengan saranan antarabangsa supaya semakan terhadap corak wajaran dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun. Semakan itu memastikan IHP terus menggambarkan dengan tepat corak perbelanjaan semasa sektor isi rumah di Malaysia, dan dengan itu menyediakan penunjuk inflasi harga pengguna dalam negeri yang boleh dipercayai dan relevan.

Tahun asas bagi siri IHP baru ini ialah tahun 2005. Jenis dan spesifikasi barangan dan perkhidmatan dalam kumpulan IHP ini dan juga kuantitinya, dikekalkan malar pada tahun asas itu bagi memastikan yang sebarang perubahan dalam indeks hanya mencerminkan perubahan harga mengikut masa.

Semakan terbaru IHP melibatkan pengenalan struktur klasifikasi baru, iaitu "Klasifikasi Penggunaan Individu mengikut Tujuan" (KPIT), yang merupakan klasifikasi standard antarabangsa bagi perbelanjaan penggunaan individu. Kumpulan IHP baru ini mengandungi 12 bahagian umum dan bahagian ini disubklasifikasikan secara berperingkat kepada tiga pecahan kumpulan seterusnya. Bagi semakan terbaru, komposisi dan wajaran kumpulan IHP diperoleh daripada dapatan Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan antara bulan Jun 2004 dan bulan Mei 2005. Harga bagi 460 barangan dan perkhidmatan digunakan dalam pengiraan IHP baru, dan ini diperoleh daripada kira-kira 20,000 saluran runcit di Semenanjung Malaysia, 2,200 di Sabah dan 2,400 di Sarawak.

Jadual 1 menunjukkan bahagian dan corak wajaran baru bagi IHP berasaskan tahun 2005 berbanding dengan IHP yang berasaskan tahun 2000. Walaupun keluaran makanan terus mencakupi peratusan tertinggi perbelanjaan pengguna, wajarannya berkurang sedikit kepada 30% (daripada 33%). Sementara itu, gabungan wajaran pengangkutan dan komunikasi meningkat kepada 21% daripada 18.8% sebelum ini. Bahagian perkhidmatan terus meningkat untuk mencakupi hampir separuh daripada kumpulan IHP, mencerminkan kepentingan perkhidmatan yang meningkat dalam perbelanjaan pengguna.

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerbitkan indeks purata bagi siri tiga tahun dari tahun 2003 ke 2005 (rujuk jadual VI.12 bagi siri IHP sebelum ini), dengan menggunakan struktur KPIT bagi memudahkan perbandingan perubahan harga mengikut masa.

Perbandingan Wajaran Perbelanjaan 2000 dan 2005 yang Digunakan Dalam Indeks Harga Pengguna, Malaysia

	Wajaran (%)		
	IHP lama (2000=100) (a)	IHP baru (2005=100) (b)	Perbandingan antara (a) dan (b)
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	34.9	31.4	-3.5
Makanan	33.0	30.0	-3.0
Makanan di rumah	23.3	19.6	-3.7
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	4.6	-0.9
Daging	3.3	2.9	-0.4
Ikan dan Makanan Laut	4.9	4.5	-0.4
Susu, Keju dan Telur	2.1	1.8	-0.3
Minyak dan Lemak	0.8	0.6	-0.2
Buah-buahan	2.0	1.4	-0.6
Sayur-sayuran	3.0	2.3	-0.7
Gula, Jem, Madu, Coklat dan Manisan	0.9	0.7	-0.2
Keluaran Makanan yg tidak dikelaskan di mana-mana	0.8	0.8	0.0
Makanan di luar rumah	9.7	10.4	0.7
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	1.9	1.4	-0.5
Minuman Alkohol dan Tembakau	2.0	1.9	-0.1
Pakaian dan Kasut	3.4	3.1	-0.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	22.4	21.4	-1.0
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	5.1	4.3	-0.8
Kesihatan	1.7	1.4	-0.3
Pengangkutan	13.9	15.9	2.0
Komunikasi	3.6	5.1	1.5
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	4.3	4.6	0.3
Pendidikan	1.9	1.9	0.0
Restoran dan Hotel	1.9	3.0	1.1
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	4.9	6.0	1.1
Keseluruhan	**100.0**	**100.0**	
Barang tahan lama	9.4	7.8	-1.6
Barang semi tahan lama	5.4	4.0	-1.4
Barang tidak tahan lama	40.2	38.4	-1.8
Perkhidmatan	45.0	49.8	4.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

Pertumbuhan pemberian pinjaman bank yang mapan menyokong pengembangan M3

M3 atau wang secara luas, berkembang pada kadar tahunan 6.2% pada bulan Mac (Februari: 7.8%). Dari segi penentu, pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor swasta, operasi luar negeri yang mengembang dan pengambilan deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank daripada Bank Negara Malaysia memberi kesan pengembangan terhadap bekalan wang. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini sebahagiannya diimbangi oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih

rendah, memandangkan Kerajaan menyimpan perolehan daripada dividen dan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia di Bank Negara Malaysia.

Sementara itu, M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan 5.7% (Februari: 7.7%). Deposit permintaan adalah lebih rendah, mencerminkan pengeluaran oleh sektor perniagaan, dan sebahagian kecilnya oleh pengurangan dalam jumlah pegangan mata wang oleh sektor swasta pada tempoh itu berikutan berakhirnya musim perayaan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Feb 06**	**Mac 06**
M3	68.0	49.7	6.0	4.6
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	4.5	-5.3
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	45.3	1.8	2.0
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*2.8*	*2.9*
Sekuriti	*-9.2*	*0.3*	*-1.0*	*-0.9*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	16.5	9.9	1.9
Pengaruh lain	-28.7	-6.7	-10.3	6.1

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan Mac

Pada bulan Mac, jumlah deposit dengan sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM8.7 bilion atau peningkatan tahunan pada kadar 9.5% (Februari: +RM13.1 bilion atau +11.3%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi daripada institusi kewangan, badan berkanun dan individu. Peningkatan dalam penempatan deposit institusi kewangan mencerminkan terutamanya penempatan antara bank, dan sebahagian kecilnya oleh deposit institusi kewangan bukan bank.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 05	**Jan 06**	**Feb 06**	**Mac 06**
Kerajaan Persekutuan	358	2,408	-3,262	469
Kerajaan Negeri	-223	-259	897	568
Badan Berkanun [1]	-62	416	554	1,264
Institusi Kewangan	11,682	-5,216	5,651	6,090
Perusahaan Perniagaan	6,345	-1,646	6,131	-1,114
Individu	2,346	3,052	3,120	1,238
Lain-lain [2]	-449	11	-3	146
Jumlah	19,998	-1,234	13,089	8,661

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 05	**Jan 06**	**Feb 06**	**Mac 06**
Deposit tetap	-1,092	-4,603	-2,835	7,272
NID	6,857	40	7,082	2,452
Deposit permintaan	2,748	3,271	-1,126	-3,687
Deposit tabungan	762	1,052	562	-324
Perjanjian beli balik (Repo)	7,211	-4,242	9,744	2,582
Deposit mata wang asing	-286	-521	1,474	-268
Deposit SPI	4,557	3,531	-2,300	113
Lain-lain	-759	237	487	521
Jumlah	19,998	-1,234	13,089	8,661

Pembiayaan sektor swasta lebih tinggi

Pada bulan Mac, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi, berjumlah RM51.2 bilion (Februari: RM40.1 bilion). Selepas mencatat paras yang lebih rendah pada bulan Januari dan Februari, pembiayaan kasar meningkat dengan ketara ketika pengeluaran pinjaman sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1% (Februari: 9.5%).



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat dengan ketara pada bulan Mac



Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman lebih tinggi, pada asas bulanan…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	February	March	February	March
Jumlah				
Permohonan pinjaman	21.9	28.7	18.1	0.3
Kelulusan pinjaman	13.7	17.8	16.8	4.3
Pengeluaran pinjaman	40.0	46.5	9.7	-2.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.0	2.2	9.2	8.4
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	10.8	15.9	13.8	0.7
Kelulusan pinjaman	6.0	8.9	20.6	6.2
Pengeluaran pinjaman	25.9	31.7	5.4	-5.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.2	-0.9	4.4	2.7
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	3.2	4.8	-13.3	t.d.
Kelulusan pinjaman	1.8	3.3	-23.4	t.d.
Pengeluaran pinjaman	8.2	11.6	8.5	t.d.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.2	6.0	8.3	t.d.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	9.1	12.4	5.3	-1.8
Kelulusan pinjaman	5.9	8.4	-7.8	-1.7
Pengeluaran pinjaman	10.4	12.9	2.5	5.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.4	2.9	14.4	14.5

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Bermula Mac 2006, pertumbuhan tahunan adalah tidak berkenaan disebabkan institusi kewangan kini dalam proses mengadaptasi definisi standard PKS, seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.
t.d. Tidak berkenaan

…melangkaui sektor perniagaan dan isi rumah



Pinjaman yang lebih tinggi dikeluarkan kepada semua sektor utama

Penunjuk utama pemberian pinjaman bank mencatat paras yang lebih tinggi pada asas bulanan. Pada asas tahunan, permohonan dan kelulusan pinjaman bagi sektor perniagaan terus berkembang. Sementara itu, pengeluaran pinjaman lebih rendah sebanyak 2.7% pada asas tahunan, dengan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah diimbangi oleh pengeluaran pinjaman yang lebih rendah kepada sektor perniagaan. Perlu diambil perhatian bahawa angka pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman dan permohonan yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kesan asas (base effect) kerana pengeluaran dan permohonan pinjaman meningkat dengan kukuh pada bulan Mac 2005.

Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.4% pada akhir bulan Mac (akhir Februari: 9.2%). Pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 14.5% (akhir Februari: 14.4%), sementara pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar tahunan 2.7%.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih tinggi

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Mac, iaitu sebanyak RM2.6 bilion, dengan sektor swasta menyumbang sejumlah besar daripada peningkatan itu. Pasaran sekuriti hutang swasta menggembleng dana bersih yang lebih tinggi sebanyak RM1.8 bilion, terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan bagi membiayai aktiviti baru (88% daripada jumlah terbitan). Dalam pasaran ekuiti, sebanyak RM259 juta diperoleh daripada lima tawaran awam awal (IPO). Dalam sektor awam, Kerajaan menerbitkan MGS 10 tahun bernilai RM2.7 bilion. Selepas menyelaras penebusan (terutamanya penebusan Bon Khazanah), dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM498 juta.



Prestasi KLCI bertambah baik pada bulan April

Pada akhir bulan Mac, KLCI ditutup rendah sedikit pada 926.63 (sejak akhir Februari: -0.2%). Sebaliknya, permodalan pasaran meningkat kepada RM732.9 bilion (sejak akhir Februari: +0.8%), manakala urus niaga purata harian pada bulan itu menurun kepada 797.95 juta unit (Februari: 905.2 juta unit).



Prestasi KLCI bertambah kukuh

Pada bulan April, minat para pelabur yang lebih kukuh mendorong KLCI untuk ditutup lebih tinggi pada 27 April pada 947.61 (sejak akhir Mac: +2.3%) dengan peningkatan permodalan pasaran sebanyak RM743 bilion (sejak akhir Mac: +1.4%). Aktiviti dagangan meningkat dengan nyata dengan urus niaga purata harian pada 1,231.4 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM271.6 bilion atau USD73.7 bilion pada 31 Mac 2006. Paras rizab itu telah mengambil kira pengurangan nilai rizab hasil daripada pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab terus meningkat kepada RM275.9 bilion atau USD74.9 bilion pada 14 April 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 6.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal teguh dan berdaya tahan

Paras permodalan sistem perbankan kekal tinggi dengan sedikit penurunan dalam paras pinjaman tidak berbayar (NPL). Pada akhir bulan Mac 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.1% dan 10%, menurun sedikit daripada bulan sebelumnya disebabkan agihan keuntungan kepada pemegang saham. Paras NPL yang bertambah baik disebabkan oleh hapus kira dan juga kutipan balik pinjaman yang lebih tinggi dan pengelasan semula pinjaman kepada status berbayar. NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan meningkat kepada RM24.4 bilion, mencakupi 4.5% daripada jumlah pinjaman bersih.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Dis 05	Jan 06	Feb 06	Mar 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.5	10.3	10.0
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.6	13.6	13.4	13.1
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.6	4.6	4.6	4.5
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,545	24,651	24,834	24,385
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan sistem perbankan kekal tinggi …

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



……manakala paras NPL bertambah baik sedikit

Bank Negara Malaysia

28 April 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jan 06		Feb 06		Mac 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		60.5	13.4	54.8	5.6	54.1	6.9
M1		132.0	10.3	127.0	7.7	122.3	5.7
M2		630.3	16.7	635.7	17.5	636.6	15.2
M3		673.3	7.9	679.3	7.8	683.9	6.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		691.4	10.1	704.5	11.3	713.1	9.5
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		560.1	9.0	564.1	9.2	566.3	8.4
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.5		76.4		76.0	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		86.2		85.2		84.6	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		19.7	-7.7	21.9	18.1	28.7	0.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		14.0	0.7	13.7	16.8	17.8	4.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		44.6	5.2	40.0	9.7	46.5	-2.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		42.6	-1.5	36.5	8.7	42.5	3.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.6		13.4		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.6		4.6		4.5	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		269.3		272.7		271.6	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		71.3		72.2		73.7	
Bilangan bulan import tertangguh		7.8		7.8		7.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.25	
Antarabank:	Semalaman	2.99 [3.00]		3.23 [3.04]		3.25 [3.25]	
	Seminggu	3.05 [3.05]		3.23 [3.07]		3.28 [3.28]	
	1 bulan	3.14 [3.14]		3.15 [3.14]		3.25 [3.33]	
	3 bulan	3.22 [3.21]		-		-	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.01		3.02		3.03	
	3 bulan	3.03		3.04		3.06	
BLR bank perdagangan		6.21		6.34		6.47	
ALR bank perdagangan		6.15		6.29		6.29	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		101.8	3.2	101.9	3.2	103.4	4.8
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		168.8	13.7	170.3	11.0	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.7510		3.7135		3.6860	
Euro		4.5813		4.4055		4.4829	
Paun Sterling		6.6811		6.4643		6.4337	
100 Yen Jepun		3.2264		3.1907		3.1397	
Dolar Singapura		2.3092		2.2857		2.2778	
100 Baht Thailand		9.6241		9.4407		9.4914	
100 Peso Filipina		7.1512		7.1793		7.2077	
100 Rupiah Indonesia		0.0400		0.0402		0.0407	
100 Won Korea		0.3862		0.3827		0.3781	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.3		0.7		0.5	
	swasta	2.0		1.2		2.1	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		914.0		928.9		926.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		713.2		726.9		732.9	

1 Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.